

Kajian Penawaran dan Permintaan Tenaga Kerja Mahir dalam Industri Pembinaan dan Pembaikan Kapal di Malaysia 2015

Abstrak

Industri pembinaan dan pembaikan kapal (SBSR) merupakan salah satu industri yang mempunyai nilai strategik dalam dagangan dan pertumbuhan ekonomi Malaysia secara amnya. Pada tahun 2013, industri ini telah menyumbang pendapatan sebanyak RM8.36 bilion dan memberikan peluang pekerjaan kepada 35,000 orang. Selain itu, industri SBSR juga menjana pelbagai *multiplier effects* kepada ekonomi Malaysia melalui pelaburan tempatan dan asing, pembangunan infrastruktur dan pembentukan tenaga kerja mahir. Melalui pelan strategik “Malaysian Shipbuilding/ Ship Repair Industry Strategic Plan 2020” (SBSR 2020) yang dikeluarkan oleh Malaysian Industry-Government Group for High Technology (MIGHT) hasil kajian bersama Association of Marine Industries of Malaysia (AMIM), industri ini dijangka mencapai matlamat Keluaran Negara Kasar (GNI) sebanyak RM6.35 bilion dan menyediakan peluang pekerjaan kepada 55,000 orang menjelang tahun 2020. Secara keseluruhannya, industri SBSR di Malaysia belum lagi mencapai status maju di mana limbungan-limbungan tempatan masih lagi mengamalkan kaedah pembinaan dan pembaikan kapal berorientasikan tenaga buruh yang intensif. Didorong oleh beberapa faktor, industri ini dilihat kurang mendapat sambutan dari warga tempatan terutamanya golongan belia. Akibatnya, wujud sindrom kebergantungan yang berlebihan terhadap pekerja asing terutamanya dalam bidang kritikal yang memerlukan kemahiran seperti kimpalan, rekabentuk kapal, paip dan injap, pendawaian, elektrik, elektronik dan penyelenggaraan, pembaikan dan *overhaul* (MRO) untuk komponen-komponen utama dan “auxiliary”.

Objektif kajian ini adalah untuk menilai status pengeluaran dan permintaan tenaga kerja mahir dalam industri SBSR di Malaysia. Kajian ini juga akan mengenalpasti punca-punca kekurangan tenaga mahir tempatan dalam industri ini dan memberikan cadangan untuk mengatasi kekurangan tersebut bagi membentuk tenaga kerja mahir di kalangan rakyat Malaysia dan menambahkan penglibatan mereka dalam industri ini. Antara usul awal yang akan dikemukakan ialah menyediakan dasar dan kerangka industri yang menyokong matlamat ini, memperkenalkan insentif kepada limbungan kapal dan institusi latihan untuk menjana tenaga kerja mahir di kalangan belia tempatan, menyediakan persekitaran pendidikan dan latihan yang kondusif dan menaiktarafkan imej serta tahap pendapatan industri ini bagi menarik lebih ramai pekerja mahir. Adalah diharapkan analisa, cadangan dan kesimpulan kajian boleh dijadikan rujukan bagi mengatur strategi untuk meningkatkan penglibatan rakyat tempatan dalam aktiviti berkemahiran tinggi dalam industri SBSR sejajar dengan hasrat kerajaan menjadikan Malaysia negara maju menjelang 2020 dan menjadi negara maritim yang kompetitif dipersada global.